Pengisian program ini bermula dengan aktiviti senaman kecergasan Zumba oleh tenaga pengajarnya Puan Syaidatul Mazidah Zahari. Aktiviti senaman ini memberikan kelebihan untuk kecergasan dan kesihatan dengan mengikut rentak gabungan *salsa*, *hipho*, *latin,* dan sebagainya. Aktiviti senaman kecergasan ini turut disertai oleh YBhg. Datin Sri Yusrinah Ayub, Datin Sri Norliah Raja Omar, Datin Rosni Md Daud dan Puan Hajah Normah Ismail.

(b) Ceramah Motivasi "Membina Impian" di Bilik Bunga Raya

Ceramah bertajuk "*Living with Dignity: Transformation of Values"* disampaikan oleh Profesor Dr. Azahari Ismail dari Universiti Putra Malaysia. Ceramah kesihatan disampaikan oleh Dr. Tamil Selvan Suppiah daripada 4Llife Research. Pada sesi petang, diadakan aktiviti Personaliti Anggun, Penampilan Diri, dan Peragaan Tudung. Ketiga-tiga aktiviti ini yang dijalankan serentak telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta. Ceramah motivasi bertajuk "Mengenal Diri dari Sudut Biologi" pula disampaikan oleh YBhg. Datin Seri Dr. Zainah Moktar kepada anak PUSPANITA dan MESCA yang berumur 13 tahun hingga 16 tahun. Sementara itu, pada sesi petang, aktiviti ceramah diteruskan dengan Latihan Merangka Impian dan teknik-teknik mencapai impian.

(c) Aktiviti Melukis dan Mewarna di Aras 5, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

Aktiviti melukis dan mewarna disertai oleh murid-murid yang berumur 10 tahun hingga 12 tahun yang terdiri daripada anak PUSPANITA dan MESCA. Aktiviti ini mendapat kerjasama Bank Rakyat yang menyumbangkan beberapa hadiah, seperti beg, tabung, serta peralatan melukis dan mewarna. Dua orang hakim yang dijemput dari luar telah mengadili pertandingan tersebut. Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang melukis dan mewarna disampaikan oleh YBhg. Datin Sri Norliah Raja Omar diiringi oleh Puan Hajah Normah Ismail. Aktiviti bersama-sama maskot Nuri telah berjaya menggembirakan hati anak-anak kecil dengan *chicken dance*.

Fun with English
(25 November 2015, PUSPANITA PURI D' Seri Endon)

Biro Pendidikan Cawangan KPM telah bekerjasama dengan Biro Pendidikan PUSPANITA Kebangsaan untuk menganjurkan program *Fun with English* pada 25 November 2015 bertempat di PUSPANITA PURI D' Seri Endon. Program yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sempena cuti sekolah ini telah disertai seramai 250 orang murid sekolah menengah tingkatan 1 hingga tingkatan 4. Modul disediakan oleh pensyarah-pensyarah English Language Teaching Centre dan perjalanan program turut dibantu oleh guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur.

BIRO KESIHATAN DAN TABUNG PUSPADARA

Penyelaras	:	YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud
Pengerusi	:	Puan Noorsham Ibrahim
Setiausaha	:	Dr. Rodiah Idris
Bendahari	:	Dr. Satilawati Ramli
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Noor Akmar Jais@Mat Jaih
		Puan Siti Nor Azrina Nazarudin
		Puan Mahiran Jasmin
		Puan Haniza A. Hamid
		Puan Siti Azirah Abu Bakar
		Cik Nik Kasma Nik Mahmud
		Puan Minah Mat Seman
		Puan Zunaida Zainal Abidin
		Puan Rogayah Muhamad

Program Kelas Renang PUSPANITA
(14 Jun 2015, IOI Puteri Palma Resort City, Putrajaya)

Tujuan kelas renang diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan dan melakukan aktiviti renang dengan cara yang betul dan sesuai. Kebanyakan wanita bimbang dan berasa kurang yakin untuk melakukan aktiviti renang atas faktor keselamatan, selain memikirkan aktiviti ini sukar dilakukan. Sebenarnya, aktiviti renang mudah jika dilakukan dengan teknik yang betul.

Biro Kesihatan telah menganjurkan kelas renang dalam kumpulan yang kecil supaya tumpuan dapat diberikan kepada individu yang terlibat.

Kelas renang telah dilaksanakan sebanyak dua kali. Kelas renang yang pertama yang dikendalikan oleh Dr. Rodiah Idris dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), dan kelas renang yang kedua dikendalikan oleh Puan Georgie Goh dari Bahagian Sukan (BS). Kelas renang ini diadakan di kolam renang Puteri Palma Kondominium, IOI Puteri Palma Resort City, Putrajaya. Kelas bermula pada pukul 5.00 petang hingga 7.00 petang, dan pada 5 September 2015 (Sabtu) bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Ahli telah didedahkan dengan teknik asas renang seperti sesi pemanasan badan, cara bernafas dengan betul, cara apungan badan, kedudukan kepala, tangan, dan kaki yang betul. Kelas dimulakan terlebih dahulu dengan penerangan secara teori oleh jurulatih dan dikuti dengan demonstrasi cara berenang yang betul. Pada sesi akhir, setiap individu telah dapat menguasai teknik asas renang dengan jayanya.

Program Gaya Hidup Sihat
(28 Ogos 2015, Dataran Kemboja, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian)

Program Gaya Hidup Sihat melibatkan tiga aktiviti yang diadakan serentak dari pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program yang diadakan ialah Ceramah "Makanan Sihat, Hidup Bergaya", Bengkel CPR dan Pemeriksaan Kesihatan. Program ini telah dilaksanakan di Dataran Kemboja, Aras 4, Blok E2, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM. Seramai 45 orang ahli PUSPANITA telah hadir dalam program ini.

Program turut dihadiri oleh AJK Induk PUSPANITA, iaitu YBhg. Datin Akbal Hanam Talip, YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud dan Puan Noorsham Ibrahim.

Ceramah "Makanan Sihat, Hidup Bergaya" disampaikan oleh Puan Noriza Zakarian, Ketua Penolong Pengarah dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Ahli PUSPANITA didedahkan dengan pengambilan pemakanan sihat serta penggunaan aplikasi *MyNutri Diary* yang dibina oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bengkel CPR dilaksanakan dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Penceramah bengkel ialah Encik Balasundram, pegawai perubatan dari Klinik Kesihatan Presint 9, Putrajaya. Ahli PUSPANITA telah diberi penjelasan berkaitan dengan teori melakukan CPR yang betul pada bayi yang berusia di bawah satu tahun dan orang dewasa. Selepas itu, diadakan demonstrasi CPR dan dan latihan amali CPR dengan menggunakan patung manusia.

Pemeriksaan kesihatan telah berlangsung sepanjang program dan antara jenis pemeriksaan yang ditawarkan kepada ahli PUSPANITA termasuklah pemeriksaan tekanan darah, kandungan gula dalam darah, BMI, ujian kadar stres, khidmat nasihat rehabilitasi, dan pengurusan stres.

BIRO PERUNDANGAN DAN KEPENGGUNAAN

Penyelaras	:	YBhg. Datin Rosmiah Anuar (sehingga 4 Oktober 2015)
Pengerusi	:	Dr. Ruziati Mior Ahamad Ariffin
Timbalan Pengerusi	:	Puan Normazwin Yahya
Setiausaha	:	Puan Malawati Mat Nasir
Bendahari	:	Puan Norwazni Wahab @ Abd Wahab
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Siti Farihan M. Abd Kohar
		Puan Nani Herlin Jamil
		Puan Noorraslinda Othman
		Puan Norhanita Othman
		Puan Nurul Wardah Kusaidi
		Puan Rabiah Katman
		Puan Nur Hafiza Mohd Noh
		Puan Rosni Ramly
		Puan Rusni Samsudin

Lawatan ke Penjara Wanita Kajang
(17 September 2015, Penjara Wanita Kajang)

Lawatan ini diketuai oleh Dr. Ruziati Mior Ahamad Ariffin, Pengerusi Biro Perundangan dan Kepenggunaan bersama-sama 31 orang ahli.

Ketibaan rombongan disambut oleh Puan Norshazimi Mohamad Paudzi, selaku Ketua Inspektor Penjara Wanita Kajang. Setelah pemeriksaan keselamatan dilakukan ke atas semua ahli, beliau memberikan taklimat tentang latar belakang dan jumlah penghuni yang terdapat di Penjara Wanita Kajang.

Peserta rombongan telah dibawa ke bengkel kerja penghuni penjara, iaitu Bengkel Batik, Jahitan, Kraf Tangan, Makanan Sejuk Beku, Bakeri dan Penyajian, serta Pusat Kecantikan (spa). Ahli rombongan juga dibawa ke pejabat perusahaan yang menempatkan hasil kerja tangan penghuni Penjara Wanita Kajang. Lokasi lawatan terakhir ialah Galeri Vokasional Penjara Wanita Kajang. Galeri ini merupakan pusat sehenti yang menjual hasil kerja tangan atau produk yang dihasilkan dari seluruh penjara yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Antara barang yang dijual termasuklah makanan sejuk beku, hasil batik, makanan ringan dan perhiasan rumah. Barangan yang dijual sangat menarik dan harganya berpatutan.

BIRO SOSIAL

Penyelaras	:	YBhg. Datin Rosmiah Anuar (sehingga 4 Oktober 2015)
Pengerusi	:	Puan Rozainum Ahmad
Timbalan Pengerusi	:	Puan Zainap Ibrahim
Setiausaha	:	Puan Nor Hapipah Haji Md. Shah
Bendahari	:	Puan Zalina Kamis
Ahli Jawatankuasa	:	Cik Nani Mastina Abdul Hadi
		Puan Khairunnisa Mohd Aris
		Puan Mazlin Mazlan
		Cik Zuraidah Ngadiron

Majlis "Sekalung Budi Semesra Abadi" PUSPANITA Cawangan KPM
(16 Januari 2015 di Kelab Tasik Putrajaya)

Majlis ini telah diadakan dengan tujuan untuk meraikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta Ahli Jawatankuasa (AJK) Induk yang tidak lagi dalam Jawatankuasa Induk kerana suami atau mereka sendiri yang bertukar ke kementerian lain atau bersara. Selain itu, majlis ini juga meraikan mereka dan AJK Induk yang telah berjaya dalam pemilihan Jawatankuasa Mesyuarat Agung Ke-32.

Antara yang diraikan termasuklah mantan Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPM, YBhg. Datin Rohana Abdullah, mantan Timbalan Pengerusi, Puan Sri Zaiton Baharudin, Datin Maimunah Kamari dan Puan Mazerah Abdul Ghani.

Majlis yang berlangsung secara santai ini memberikan peluang kepada AJK Induk yang baharu dan yang lama untuk beramah mesra antara satu sama lain. YBhg. Datin Sri Yusrinah Ayub, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPM turut menyampaikan hadiah sebagai tanda kenang-kenangan kepada mereka.

Bengkel Tatih Tari
(30 Oktober 2015 Dewan Serbaguna)

Biro Sosial telah mengadakan sesi bengkel asas tari yang dinamakan Bengkel Tatih Tari PUSPANITA. Bengkel ini merupakan aktiviti riadah untuk semua ahli PUSPANITA Cawangan KPM yang berlandaskan konsep pengajaran dan pembelajaran secara santai yang berfokuskan pengajaran yang lebih intensif. Bengkel ini dibimbing oleh tenaga pengajar yang berpengalaman.

Tujuan bengkel ini adalah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli, di samping meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengasah bakat ahli PUSPANITA dalam seni tari dan budaya Malaysia. Objektif sampingan bengkel ini adalah untuk memilih dan membentuk satu kumpulan tari untuk membuat persembahan pembukaan Overtur semasa "Majlis Malam Gala PUSPANITA: *Glam & Glitters"* Kementerian Pendidikan Malaysia pada 13 November 2015 di Hotel Everly, Putrajaya. Sambutan terhadap bengkel ini amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 47 orang ahli. Pengisian bengkel ini ialah asas tari, pola tari dan gerak tari dalam tarian joget dan zapin.

Majlis Malam Gala PUSPANITA KPM: *Glam & Glitters* 2015
(13 November 2015, Hotel Everly, Putrajaya)

Majlis makan malam ini merupakan majlis tahunan yang dinanti-nantikan oleh warga KPM. Majlis ini telah diselaraskan oleh Biro Sosial dengan kerjasama semua Jawatankuasa Pelaksana Majlis Malam Gala.

Ungkapan penuh bermakna "Majlis Malam Gala PUSPANITA: *Glam & Glitters*" ialah tetamu yang hadir dikehendaki mengenakan pakaian yang bersesuaian dengan tema glamor dan bersinar mengikut kreativiti masing-masing. Malam gala tersebut turut diserikan dengan persembahan kepelbagaian seni budaya Malaysia daripada murid-murid di bawah penyelarasan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Malaysia dan Pertandingan "*PUSPANITA Got Talent*" untuk mengiringi persembahan sepanjang majlis berlangsung. Pemenang pertandingan "*PUSPANITA Got Talent*" ialah Fusion Divas dari Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (tempat pertama), Duo LP dari Lembaga Peperiksaan (tempat kedua) dan Primadona dari Bahagian Buku Teks (tempat ketiga).

Majlis Sanjungan Budi Tautan Kasih
(18 Disember 2015, Hotel Shangri-La Putrajaya)

Majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim serta beramah mesra antara AJK Induk, Pengerusi dan Setiausaha Biro bersama-sama YBhg. Datin Seri Noraini Abdullah, isteri YB Menteri Pendidikan merangkap Penaung PUSPANITA Cawangan KPM.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu jemputan, iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Muhamad, Ketua Setiausaha KPM merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan KPM.

Selain itu, majlis ini diadakan bagi memberikan penghargaan kepada AJK Induk yang gigih menjayakan pelbagai program dan aktiviti PUSPANITA Cawangan KPM dan PUSPANITA Kebangsaan. Program seperti ini dapat meningkatkan semangat kerjasama dan perpaduan antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa dan status sosial terutama dalam kalangan AJK Induk dengan Pengerusi dan Setiausaha Biro Cawangan KPM.

Majlis ini turut merakamkan penghargaan kepada AJK Induk yang telah bersara, iaitu Puan Maggie David Edward dan AJK Induk yang bertukar tempat bertugas ke Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, iaitu Puan Nor Hasimah Hussin, atas sumbangan dan bakti mereka kepada PUSPANITA.

BIRO SAINS DAN INOVASI

Penyelaras	:	YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud
Pengerusi	:	Puan Hajah Karteni Haji Osman
Setiausaha	:	Puan Anis Nurhuda Askoya
Bendahari	:	Puan Salmah Basir
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Saidatul Akmar Mohd Said
		Puan Siti Aishah Abdul Majid

Lawatan ke Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, Pahang
(15 Ogos 2015)

Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor terletak di daerah Maran, Pahang dan berhampiran dengan Bandar Jengka. Kolej ini ditubuhkan pada tahun 1970 dengan keluasan tapak 52 ekar. Sebanyak 10 kursus yang ditawarkan di kolej ini, iaitu Agroindustri Tanaman, Agroindustri Ternakan Ruminan, Agroindustri Ternakan Poltri, Akuakultur, Mekanisasi Agro, Hortikultur Hiasan, Landskap, Pemprosesan Hasil Pertanian, Florikultur, dan Bioteknologi.

Objektif lawatan adalah untuk memperoleh pengetahuan dalam penggunaan sistem terkini dalam pertanian dan penternakan, mengkaji keberkesanan "*School Enterprise*" di Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, dan merapatkan hubungan antara ahli PUSPANITA dengan pelajar dan guru Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor.

Seramai 27 orang ahli telah menghadiri lawatan sambil belajar ke Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, Pahang. Rombongan turut disertai oleh PUSPANITA Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, dan disambut oleh PUSPANITA Daerah Maran.

Ahli rombongan diberikan penerangan oleh Pengarah Kolej tentang kursus-kursus berkenaan pertanian dan ternakan. Rombongan PUSPANITA turut meraikan anak yatim kolej berkenaan dengan memberikan sumbangan duit raya kepada 20 orang pelajar anak yatim.

Seterusnya, rombongan dibawa ke bilik pemprosesan hasil untuk melihat demonstrasi masakan sambal hitam oleh wakil PUSPANITA JPN Pahang. Ahli rombongan dibawa melawat ladang ternakan ayam penelur yang menggunakan sistem reban tertutup dengan teknologi penyahbauan dan sistem pengumpulan telur ayam yang lebih teratur. Kemudian, rombongan dibawa melawat ke Unit Teknologi Hortikultur dan Landskap, Pusat Pameran Ikan, Unit Akuakultur, melihat kaedah penanaman tumbuh-tumbuhan dan sayur-sayuran serta bilik penanaman cendawan tiram kelabu. Ahli rombongan turut ditunjukkan kaedah pembuatan baja organik.

Akhir sekali rombongan dibawa melawat ke ladang *rock melon* untuk melihat kaedah penanaman menggunakan teknologi terkini tanaman, serta tanaman sayuran yang lain.

BIRO SUKAN

Penyelaras	:	YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud
Pengerusi	:	Puan Sarjit Kaur a/p Malkiat Singh
Timbalan Pengerusi	:	Puan Lucia Quek Sai Gearn
Setiausaha	:	Puan Nur Asmara Diana Abdullah
Bendahari	:	Puan Yasmin Othman
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Noorawati A. Rahim
		Puan Juliana Iskan
		Puan Fauziah Ahmad
		Puan Wan Ruslina Wan Hussin
		Puan Noorhani Ahmad Ghazalli
		Puan Fazidah Mokhtar

Zumba PUSPANITA KPM 2015
(23 Oktober 2015, Gimnasium BPK, Putrajaya)

Zumba merupakan kombinasi elemen tarian dan aerobik. Aktiviti Zumba memberikan kelebihan kepada kecergasan dan kesihatan individu yang mengamalkannya dengan gabungan pelbagai rentak irama seperti *salsa, mambo, hip hop, latin* dan sebagainya. Zumba juga adalah salah satu cara yang menyeronokkan untuk bersenam dan sangat sesuai untuk mereka yang suka menari dan mencuba aerobik *dance workout* yang berlainan.

Antara objektif aktiviti Zumba termasuklah untuk memupuk dan menanam semangat suka akan aktiviti sukan, meningkatkan tahap kecergasan ahli serta melahirkan ahli PUSPANITA yang mengutamakan senaman dan kesihatan. Aktiviti Zumba PUSPANITA KPM yang bermula pada pukul 3.00 petang hingga 5.00 petang disertai seramai 49 peserta yang berlangsung di Gimnasium BPK. Kehadiran YBhg. Datin Sri Yusrinah Ayub dan YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud turut memeriahkan aktiviti Zumba yang diadakan selama dua jam.

Aktiviti Zumba dikendalikan oleh seorang jurulatih bertauliah, Cik Fatin Nabylah Fadzil. Setiap peserta yang mengambil bahagian telah menerima beg hadiah yang berisi tuala muka, air mineral, dan ban.

Pertandingan Boling Tenpin PUSPANITA KPM 2015
(27 November 2015, Pusat ARL Power Bowl, Alamanda, Putrajaya)

Pertandingan Boling Tenpin PUSPANITA KPM 2015 telah dianjurkan oleh Biro Sukan pada tahun 2015. Biro Sukan PUSPANITA Cawangan KPM pernah mengendalikan Kursus Asas Boling Tenpin dan digabungkan dengan pertandingan antara peserta pada 20 Oktober 2011.

Antara objektif utama aktiviti ini termasuklah untuk memupuk dan menanam semangat suka akan aktiviti sukan di samping meningkatkan tahap kecergasan tanpa mengira umur dan melahirkan ahli PUSPANITA Cawangan KPM yang mengutamakan senaman dan kesihatan. Selain itu, aktivi sukan ini merupakan aktiviti riadah di luar pejabat yang mendapat memberikan pendedahan kepada ahli baharu menceburi permainan boling tenpin.

Pertandingan Boling Tenpin PUSPANITA KPM bermula pada pukul 3.00 petang hingga 7.00 malam dengan penyertaan yang amat menggalakkan, iaitu seramai 21 pasukan yang mengambil bahagian. Pertandingan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Datin Sri Norliah Raja Omar, YBhg. Datin Akbal Hanam Talip dan Puan Sarjit Kaur a/p Malkiat Singh.

Pusat ARL Power Bowl, Alamanda, Putrajaya telah dipilih sebagai tempat pertandingan kerana kedudukannya yang berhampiran dengan tempat kerja, dengan harapan ramai peserta dapat menyertai pertandingan ini. Terdapat juga peserta yang datang dari luar Putrajaya, iaitu dari Institut Aminuddin Baki

dan Dewan Bahasa dan Pustaka semata-mata ingin bersama-sama menjayakan program ini walaupun dalam kesibukan ruang masa yang terhad.

Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli PUSPANITA dari bahagian dan jabatan di bawah KPM. Acara terbahagi kepada dua kategori, iaitu Veteran (umur 45 tahun dan ke atas) dan Senior (umur 44 tahun dan ke bawah) dan secara berpasukan seramai tiga orang (trio) setiap pasukan.

Hadiah disediakan untuk johan, naib johan dan tempat ketiga bagi pemenang kategori senior dan veteran, iaitu Trio Senior, Trio Veteran, Individu Senior, Individu Veteran, *Hi Game Senior* dan *Hi Game Veteran*. Setiap perserta juga diberi beg hadiah yang berisi tuala muka, air mineral dan ban. Peserta juga berpeluang memenangi hamper MILO menerusi cabutan bertuah.

Keputusan Pertandingan Boling Tenpin PUSPANITA Cawangan KPM 2015 adalah seperti yang berikut:

SENIOR (umur 44 tahun dan ke bawah)

KEDUDUKAN	PEMENANG	JATUHAN PIN
Tempat Pertama Trio	BPSM Senior 3	1161
Tempat Kedua Trio	Deep Purple	1121
Tempat Ketiga Trio	Champion Butterfly	1064
Tempat Pertama Individu	Haryani	443
Tempat Kedua Individu	Fazlina	412
Tempat Ketiga Individu	Junaidah	404
Hi Game	Haryani	169

VETERAN (umur 45 tahun dan ke atas)

KEDUDUKAN	PEMENANG	JATUHAN PIN
Tempat Pertama Trio	BPK Veteran	824
Tempat Kedua Trio	DBP Veteran	777
Tempat Ketiga Trio	BPSM Veteran	773
Tempat Pertama Individu	Zaiton	433
Tempat Kedua Individu	Shaidah	307
Tempat Ketiga Individu	Fazidah	282
Hi Game	Zaiton	162

BIRO KEBAJIKAN

Penyelaras	:	Datin Akbal Hanam Talip
Pengerusi	:	Puan Hajah Rosnarizah Abdul Halim
Timbalan Pengerusi	:	Dr. Norizan Ahmad
Setiausaha	:	Dr. Shariffah Sebran Jamila Syed Imam
Bendahari	:	Puan Hajah Siti Paridah Jailani
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Aida Mohamad Anip
		Puan Nor Haidada Md. Yonin
		Puan Erna Wati Miat
		Puan Siti Nor Raihan Hata
		Puan Azrin Abd. Rahman
		Puan Hairolniza Khalid

Program *1 Malaysia For You* (iM4U)
(4 - 6 November 2015, Kampung Bok Bak dan Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Ummu Sabariah, Baling, Kedah)

Program *1 Malaysia For You* (iM4U) anjuran PUSPANITA Kebangsaan ialah program yang diusahakan oleh Biro Kebajikan PUSPANITA Cawangan KPM, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan PUSPANITA Negeri Kedah serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Program ini disempurnakan oleh YDP PUSPANITA Kebangsaan YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pejabat Pendidikan Daerah Baling, Pejabat Daerah Baling dan Ahli Jawatankuasa Kampung Bok Bak.

Program ini bertujuan untuk memberikan khidmat dan menyumbangkan bantuan kemasyarakatan kepada penduduk Kampung Bok Bak, Baling, Kedah untuk menyediakan Pusat Sumber atau "Mutiara Ilmu" di Madrasah At-Taawun Kampung Bok Bak. Program ini juga bertujuan untuk menambah baik susun atur dan keceriaan ruang bacaan dan asrama puteri di Rumah Anak Yatim Ummu Sabariah.

Aktiviti lain semasa pelancaran program di madrasah dan rumah anak yatim ialah pertandingan hafazan, pertandingan azan dan pertandingan bercerita. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan pameran tentang kesihatan dan rawatan gigi. Kementerian Pendidikan Tinggi pula mengadakan pameran maklumat tentang PTPTN, manakala pameran di dalam bas oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Peserta program juga bergotong-royong menyusun atur dan menceriakan "Mutiara Ilmu". Pelajar politeknik turut mengadakan acara memasak. Selain itu, Jabatan Pertahanan Awam, Baling, Kedah, turut mengadakan Kursus Kesedaran dan Keselamatan.

Pelbagai sumbangan telah diterima bagi menjayakan program ini. Sumbangan yang diterima daripada pelbagai pihak adalah seperti yang berikut:

(i) PUSPANITA Kebangsaan (alat dan bahan keperluan asas).
(ii) Pejabat Daerah (jamuan makan malam).
(iii) Wakil Rakyat (ubah suai bangunan madrasah).
(iv) Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (kenderaan).
(v) Bahagian-bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (peralatan, buku dan kewangan).
(vi) Pihak swasta (buku dan alat tulis).
(vii) Individu perseorangan (kewangan dan peralatan).

Program ini mendapat kerjasama baik daripada penduduk setempat dan pihak berkenaan yang terlibat secara tidak langsung.

BIRO KEUSAHAWANAN

Penyelaras	:	YBhg. Datin Akbal Hanam Talip
Pengerusi	:	Puan Khadijah Kassim
Timbalan Pengerusi	:	Puan Siti Rose Abdul Hamid
Setiausaha	:	Puan Dayang Balkis Md. Ramli
Bendahari	:	Puan Zadurah Md. Zain
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Noraini Abu Bakar
		Cik Ana Umilhusna Zulkify
		Puan Rokiah Md. Top
		Puan Nur Suhada Aziz
		Puan Emma Adzliza Mohd. Zainuddin
		Cik Saidatul Sumiaton Sukiman

Penjualan di Blok E12

PUSPANITA Cawangan KPM telah menawarkan ruang niaga bertempat di perkarangan laluan pejalan kaki di lobi hingga aras tangga taska Blok E12, Kompleks E, kepada para peniaga bagi aktiviti penjanaan hasil PUSPANITA. Tawaran penyewaan ruang niaga tersebut telah mendapat kelulusan daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri bermula pada bulan Ogos 2014. Seramai 20 orang penyewa mengadakan jualan pada setiap bulan. Antara barangan yang dijual termasuklah pakaian, makanan, produk kesihatan, dan lain-lain. Hasil daripada sewaan tapak jualan dapat menambah dana aktiviti PUSPANITA.

BIRO AGAMA

Penyelaras	:	YBhg. Datin Akbal Hanam Talip
Pengerusi	:	Puan Hajah Kamariah Isa
Timbalan Pengerusi	:	Puan Farhana Abdul Rashid
Setiausaha	:	Puan Nor Anisa Musa
Bendahari	:	Puan Sazalina Abdul Samad
Ahli Jawatankuasa	:	Cik Haryani Hamzah
		Puan Nordalinah Mohd Yunus
		Puan Siti Zannaryah Zaini
		Puan Rohaya Mahat
		Puan Sabariah Abdul Kadir
		Puan Salmah Mohd Nor
		Puan Mawar Jemakir
		Puan Noniyana Abu Bakar

Program Bicara Wahyu
(27 Mac 2015, Dewan Serbaguna)

Program ini dihadiri oleh YBhg. Datin Akbal Hanam Talip sebagai tetamu kehormat, dan warga KPM seramai 568 orang. Moderator program ini ditampilkan khas daripada Bahagian Pendidikan Islam, KPM, iaitu Ustaz Zulkefli Hamat merangkap moderator Pencetus Ummah Astro.

Kekerapan program ini dilaksanakan sebulan sekali, iaitu pada setiap Jumaat, pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari mulai Februari 2015 dan setiap minggu pada bulan Ramadan pada masa dan tempat yang sama bersempena dengan Program Ihya' Ramadan.

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan dan memantapkan akidah, penghayatan Islam, sahsiah dan nilai murni dalam kalangan warga KPM, di samping membuka minda warga KPM melalui sesi perbincangan agama yang sihat dalam usaha mempertingkatkan mutu produktiviti kerja cemerlang mereka.

Program Tafsir Al-Quran
(6 Mei 2015, Bangunan Mustapha Kamal, Cyberjaya)

Program ini dihadiri oleh YBhg. Datin Akbal Hanam Talip sebagai tetamu kehormat, Penyelaras Biro Agama, Datin Noriah Shaharuddin, serta para hadirin seramai 150 orang yang terdiri daripada kalangan warga KPM. Penceramah program ini ditampilkan khas dari Bahagian Pendidikan Islam, KPM, iaitu Ustaz Abdul Rahman Che Soh dengan tajuk Tafsir *Surah al-Fatihah.*

Program ini bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Bilik Jamuan Melor Bangunan Mustapha Kamal, Cyberjaya.

Program ini bertujuan untuk memberikan motivasi bagi menimba ilmu al-Quran, selain memperelok bacaan, memahami, dan menghayati ayat-ayat yang dibaca, khususnya *surah al-Fatihah*. Selain itu, program ini merupakan usaha ke arah membina generasi al-Quran yang berilmu dan beramal dengan al-Quran serta membaiki bacaan dalam solat.

Program Tadarus dan Khatam Al-Quran
(2 Julai 2015, Bangunan Mustapha Kamal, Cyberjaya)

Program ini diketuai oleh YBhg. Ustazah Nor Hayati L. Isa merangkap Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, KPM, tetamu kehormat, iaitu YBhg. Datin Sri Norliah Raja Omar, YBhg. Datin Hajah Rosni Mat Daud, YBhg. Datin Akbal Hanam Talip, Penyelaras Biro Agama serta para hadirin seramai 80 orang daripada kalangan warga KPM.

Program tadarus ini berjaya dilaksanakan dengan bacaan semua 30 juzuk al-Quran oleh para hadirin pada hari tersebut. Sesi tadarus bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi bertempat di ruang Bilik Jamuan Melor, Bangunan Mustapha Kamal. Bagi menutup Program Tadarus al-Quran ini, majlis khatam al-Quran diadakan pada akhir sesi, iaitu pada hari dan tempat yang sama.

Program ini merupakan salah satu program utama Ihya' Ramadan KPM pada bulan Ramadan al-Mubarak 1436 Hijrah. Objektif program ini adalah bagi mewujudkan penghayatan, beramal dan beribadah dalam bulan yang penuh barakah, selain dapat merapatkan hubungan ukhuwah dan silaturahim sesama warga KPM tanpa mengenal pangkat dan usia.

BIRO TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

Penyelaras	:	YBhg. Datin Rosmiah Anuar (sehingga 4 Oktober 2015)
Pengerusi	:	Puan Azizah Bakar
Setiausaha	:	Puan Norfila Haji Mohamad Ramli
Bendahari	:	Puan Nuurinazlin Mat Noor
Wakil Bahagian	:	Puan Suriya Subardi
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Maizun Mohd Shaffiei
		Puan Roslinah Sulaiman
		Puan Siti Nadiyah Mohd Suyot

Laman Web/Facebook

Biro Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bertanggungjawab mengemas kini dan memuatnaikkan semua maklumat, program serta galeri foto dalam laman sesawang dan Facebook PUSPANITA Cawangan KPM sepanjang tahun 2015. Biro turut membantu setiap program yang dijalankan oleh semua biro dari segi keperluan teknikal dan TMK, serta menyampaikan hebahan kepada semua ahli melalui media sosial, seperti e-mel *blasting*, laman sesawang, dan Facebook.

Video Montaj/Persembahan Slaid/Hebahan/Siar Raya

Biro ini bertanggungjawab untuk menyediakan video montaj, persembahan slaid, hebahan, rakaman dan siar raya dalam program yang berikut:

(a) Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KPM 2015
(b) Majlis Anugerah Anak Cemerlang PUSPANITA dan MESCA KPM
(c) Program Turun Padang YDP PUSPANITA Kebangsaan ke Kementerian Pendidikan Malaysia (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam)
(d) Program Pembangunan Keluarga Bestari PUSPANITA Cawangan KPM

BIRO DOKUMENTASI DAN SERANTA

Penyelaras	:	YBhg. Datin Hajah Jaminah Haji Hashim
Pengerusi	:	Puan Padilah Haji Ali
Timbalan Pengerusi	:	Puan Hajah Saadah Bahrudin
		Puan Maizon Jaafar
Setiausaha	:	Puan Norizan Muslim
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Siti Rohaizah Hamzah
		Puan Aishah Salleh
		Puan Aminah Awang Basar
		Puan Junaidah Ahmad Ghazali
		Puan Marlina Mohamad Anas
		Cik Nor Rasyidah Arshad
		Puan Nor Faradila Rashid

Khemah Penulisan Kreatif Remaja (Genre Cerpen)

(9 - 10 Jun 2015, Bilik Pusat Sumber PUSPANITA Cawangan KPM)

Khemah penulisan ini disertai seramai 32 orang peserta yang berumur antara 11 tahun hingga 17 tahun. Peserta menerima beg hadiah, buku nota, pen, lembar bahasa, dan majalah sebagai cenderamata.

Tenaga pengajarnya ialah Encik Saifullizan Yahaya, Puan Aida Salleh dan Puan Norzuzilawati Sulaiman dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPM,YBhg. Datin Sri Yusrinah Ayub, telah menyampaikan sijil kepada peserta. Beliau juga mencadangkan agar diadakan bengkel susulan seumpamanya di luar KPM sekiranya penyertaan memberangsangkan.

Penerbitan Buku Laporan Tahunan PUSPANITA KPM

Biro ini diberi tanggungjawab untuk menerbitkan buku Laporan Tahunan PUSPANITA Cawangan KPM untuk di-e-melkan kepada semua ahli dan diagihkan kepada ahli yang menghadiri Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KPM. Kerja perolehan, penyuntingan, penulisan, reka bentuk sehinggalah percetakan berjaya disiapkan oleh sidang editorial.

BIRO KEAHLIAN DAN AHLI SEUMUR HIDUP

Penyelaras	:	YBhg. Datin Hajah Jaminah Haji Hashim
Pengerusi	:	Puan Rohani Haji Ghazali
Timbalan Pengerusi	:	Puan Hajah Raja Bi Noordin
Setiausaha	:	Puan Rohana Yahaya
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Noraini Md. Nasir
		Puan Suhaiza Mohd. Said
		Puan Nasuri Ahmad
		Puan Badulaily Abu Hassan

Laporan Biro

Biro Keahlian dan Ahli Seumur Hidup telah menguruskan permohonan ahli baharu sama ada melalui Ahli Seumur Hidup atau Ahli Biasa.

Bilangan Ahli

Sehingga 31 Disember 2015, PUSPANITA Cawangan KPM berjaya meningkatkan keahliannya seramai 2,917 orang, (91 orang Ahli Biasa dan 2,826 orang Ahli Seumur Hidup). Daripada 91 orang ahli Biasa hanya 56 orang yang telah membayar yuran tahun 2015. Kadar bayaran yuran keahlian Seumur Hidup masih RM2.00.

Sistem e-Keahlian

Sistem e-Keahlian telah dibina bagi memudahkan pengumpulan maklumat keahlian PUSPANITA Cawangan KPM. Puan Hajah Raja Bi Noordin dengan bantuan Puan Nik Aimi Fadiah Nik Mohd Helmy dan Puan Nor Idayu Ahmad telah diberikan tugasan untuk membina sistem ini. Sistem ini telah mula diaktifkan pada bulan Jun 2015. Bengkel keahlian telah diadakan pada 26 Ogos 2015, di Bilik Latihan, Bahagian Pengurusan Maklumat KPM. YBhg. Datin Sri Yusrina Ayub turut hadir memberikan sokongan dan mengucapkan tahniah kepada wakil yang bersedia membantu dan memudahkan urusan keahlian di bahagian masing-masing.

Seramai 16 orang wakil bahagian telah mengikuti bengkel ini. Wakil bahagian yang masih belum dapat mengikuti kursus ini boleh merujuk Manual Pengguna yang telah dimuat turun melalui http://www.zetasb.com.my/puspanita.


Wakil bahagian yang dilantik telah diberi tanggungjawab untuk memasukkan data keahlian dalam sistem ini dan mengemaskinikan maklumat ahli yang perlu dibuat sendiri oleh ahli masing-masing dari semasa ke semasa.

Senarai nama wakil bahagian yang telah mengadiri Bengkel e-Keahlian:


1.	Suriya Subandi	BPM
2.	Noorhani Ahmad Ghazalli	BPK
3.	Siti Mazlin Abdul Rahman	MBKM
4.	Noraini Abu Bakar	KEWANGAN
5.	Noorawati Abd Rahim	BHG SUKAN
6.	Noor Nasreena Zabidi	BPPA
7.	Siti Farihan M. Abd. Kohar	AKAUN
8.	Mahiran Jasmin	ADALAM
9.	Noraini Md. Nasir	BPPDP
10.	Norazlina Ibrahim	BPPDP
11.	Sarah Kassim	BPG
12.	Nor Faradillah Rashid	MPM
13.	Zuraidah Mahadi	JNJK
14.	Faihanita Dzulkefli	IAB
15.	Nor Ishsan Abd. Razak	IAB
16.	Nur Fadhila Mohamad Kharudin	ITBM


Manual Pengguna
Sistem e-Keahlian Puspanita KPM V2.0
Laman web: http://www.zetasb.com.my/puspanita
Log Masuk Petugas KPM: nama bahagian/nama bahagian

Menu Log Masuk Sistem e-Keahlian




Paparan Skrin Sistem e-Keahlian





Menu Senarai Keahlian

- Maklumat Bahagian/Jabatan akan dipaparkan.
- Klik butang **Cari** (untuk paparkan senarai).
- Klik butang **Sunting** (untuk kemas kini rekod).
- Klik butang **Padam** (untuk hapus rekod).



Menu Daftar Keahlian

- Sila masukkan maklumat ahli yang belum didaftarkan lagi.
- Klik butang **Daftar** (untuk simpan rekod).

PENYATA KEWANGAN 2015

PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2015

	NOTA	TAHUN 2015 RM	TAHUN 2014 RM
ASET SEMASA			
Tunai Di Bank		70,488.55	42,199.92
Tunai Dalam Tangan		6,530.91	7,424.19
Akaun Belum Terima		0.00	0.00
Simpanan Tetap	2	20,144.53	19,491.15
		97,163.99	69,115.26
LIABILITI SEMASA			
Akaun Belum Bayar		0.00	0.00
Aset Bersih		97,163.99	69,115.26
DIBIAYAI OLEH :			
Kumpulan Wang Terkumpul :			
Baki 1.1.2015		69,115.26	67,203.41
Kekurangan/Lebihan		28,048.73	1,911.85
Baki Pada 31 Disember 2015	24	97,163.99	69,115.26

(SHAIDAH BINTI BASRI)
Bendahari
PUSPANITA Cawangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Tarikh : 12/1/2016

(DATIN SRI YUSRINAH BINTI AYUB)
Pengerusi
PUSPANITA Cawangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
12/1/2016

Pada pendapat kami akaun-akaun PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi gambaran yang benar dan saksama serta rekod kewangan telah diselenggarakan dengan sempurna.

(LAU LEE KENG)
Pemeriksa Kira-kira

Tarikh : 12/1/2016

PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	NOTA	TAHUN 2015 RM	TAHUN 2014 RM
PENDAPATAN			
Yuran Ahli	3	108.00	23,938.00
Hasil Jualan	4	57,908.00	19,792.00
Subsidi Puspanita Kebangsaan	5	35,000.00	20,000.00
Sumbangan	6	35,000.00	56,902.65
Hibah	7	0.00	0.00
Pelbagai	8	100,123.45	64,900.00
Jumlah Pendapatan		228,139.45	185,532.65
PERBELANJAAN			
Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga	9	41,590.10	24,333.60
Biro Kesihatan dan Tabung PUSPADARA	10	250.00	1,867.80
Biro Kepenggunaan dan Perundangan	11	180.00	0.00
Biro Sosial	12	98,058.00	63,186.90
Biro Sukan	13	1,727.85	3,013.00
Biro Kebajikan	14	2,500.00	29,832.65
Biro Keusahawanan	15	16,010.00	13,740.00
Biro Sains dan Inovasi	16	800.00	0.00
Biro Agama	17	2,000.00	6,863.00
Biro Teknologi Maklumat (ICT)	18	0.00	0.00
Biro Dokumentasi dan Seranta	19	2,600.00	0.00
Biro Keahlian & Ahli Seumur Hidup	20	1,980.00	526.00
Biro Lestari Hijau	21	0.00	2,435.00
IM4U	22	14,426.80	5,000.00
Pelbagai	23	17,967.97	32,822.85
Jumlah Perbelanjaan		200,090.72	183,620.80
Jumlah Kurangan/Lebihan Pendapatan		**28,048.73**	**1,911.85**

NOTA KEPADA AKAUN :

1 **DASAR PERAKAUNAN**

Akaun ini disediakan menurut konsep akru kecuali Yuran Ahli adalah berdasarkan jumlah terimaan sebenar seperti yang ditetapkan.

LEMBARAN IMBANGAN

		2015	2014
2	**SIMPANAN AL-MUDARABAH**		
	Bank CIMB	10,208.32	9,880.49
	Bank Muamalat	9,936.21	9,610.66
		20,144.53	19,491.15

PENYATA PENDAPATAN

		2015	2014
3	**YURAN AHLI**		
	Bahagian Akaun	-	904.00
	Bahagian Audit Dalam	-	500.00
	Bahagian Audit Sekolah	-	0.00
	Bahagian Buku Teks	-	450.00
	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	-	0.00
	Bahagian Kewangan	-	0.00
	Bahagian Khidmat Pengurusan	-	0.00
	Bahagian Kokurikulum dan Kesenian	-	0.00
	Bahagian Matrikulasi	-	0.00
	Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi	-	0.00
	Bahagian Pembangunan Kurikulum	2.00	50.00
	Bahagian Pembangunan Pelajaran	-	0.00
	Bahagian Pendidikan Guru	-	52.00
	Bahagian Pendidikan Islam	-	228.00
	Bahagian Pendidikan Khas	-	384.00
	Bahagian Pendidikan Swasta	-	0.00
	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	-	0.00
	Bahagian Pengurusan Maklumat	-	496.00
	Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan	-	850.00
	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	-	1,198.00
	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	870.00
	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan	-	1,652.00
	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset	-	2,310.00
	Bahagian Psikologi & Kaunseling	-	674.00
	Bahagian Sukan	-	0.00
	Bahagian Tajaan Pendidikan	-	0.00
	Bahagian Teknologi Pendidikan	-	0.00
	Bahagian Pembangunan	-	0.00
	Dewan Bahasa & Pustaka	-	3,880.00
	Institut Aminudin Baki	-	0.00
	Institut Pendidikan Guru Malaysia	-	518.00
	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	0.00
	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti	-	1,336.00
	Lembaga Peperiksaan Malaysia	-	1,310.00
	Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (UsT MBKM)	-	50.00
	Majlis Peperiksaan Malaysia	-	488.00
	Unit Pelaksanaan & Prestasi Pendidikan (PADU)	-	350.00
	English Language Training College	-	0.00
	Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa	-	0.00
	Institut Perguruan Guru (Pendidikan Teknik)	-	0.00
	Institut Aminuddin Baki	-	0.00
	Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia	-	1,050.00
	SMK Putrajaya Presint 9 (2)	-	0.00
	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	-	70.00
	Kolej Komuniti Selayang	-	1,992.00
	Kolej Komuniti Rembau	-	140.00
	Bahagian Audit Dalam Sabah	8.00	-
	Yuran/ Bayaran tidak dapat dikenal pasti	98.00	2,136.00
		108.00	23,938.00

4	**HASIL JUALAN**		
	Sewa Gerai & Tapak Sektor Pelajaran (November dan Disember 2014, Januari hingga Oktober 2015)	24,605.00	5,517.00
	Sewa Gerai Jualan Amal Sektor Pelajaran	94.00	-
	Sewa Gerai Jualan Karnival Pembangunan Keluarga Bestari	40.00	-
	Sewa Gerai & Tapak Sektor Pengajian Tinggi (November dan Disember 2014, Januari hingga Julai 2015)	8,880.00	12,185.00
	Jualan Air Mineral	10,080.00	-
	Pakaian Seragam	14,209.00	1,615.00
	Jualan T Shirt	-	475.00
		57,908.00	19,792.00
5	**SUBSIDI PUSPANITA KEBANGSAAN**		
	Subsidi Aktiviti	30,000.00	15,000.00
	Subsidi IM4U	5,000.00	5,000.00
		35,000.00	20,000.00
6	**SUMBANGAN**		
	MESCA Untuk Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang	35,000.00	29,000.00
	Yayasan Bank Rakyat - Bengkel English In Camp	-	1,670.00
	Tabung Kemanusiaan Palestin	-	26,232.65
		35,000.00	56,902.65
7	**HIBAH**		
	Hibah Simpanan Yang Dilabur Semula	-	-
8	**PELBAGAI**		
	Jualan Meja Malam Gala PUSPANITA Caw KPM Tahun 2015	99,500.00	-
	PUSPANITA KEBANGSAAN (pertandingan tarian Majlis "Ladies Nite")	-	1,000.00
	Jualan Meja Ladies Nite dan hadiah Cabutan Bertuah dan sewa Booth	-	63,900.00
	Dapatan semula baki Pendahuluan Perbelanjaan	623.45	-
		100,123.45	64,900.00

PENYATA PERBELANJAAN

9	**Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga**		
	Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang	9,191.20	4,408.60
	Hadiah Anugerah Pelajar Cemerlang	7,600.00	11,200.00
	Bengkel "Fun with English" (bersama PUSPANITA Kebangsaan)	927.00	1,060.00
	Hak Wanita Dalam Perundangan Syariah dan Bahagia Sebelum dan Sesudah Bersara	4,791.90	-
	Lawatan Turun Padang (LTP) YDP PUSPANITA Kebangsaan ke KPM	7,740.00	-
	Karnival Pembangunan Keluarga Bestari	11,340.00	-
	Program Sukan dan Khidmat Masyarakat Ahli-Ahli PUSPANITA ke Kelantan dan Pulau Perhentian, Terengganu	-	2,672.00
	Sumbangan kepada Sekolah Pulau Perhentian	-	500.00
	Sumbangan Kepada Sekolah Pendidikan Khas Besut	-	500.00
	Sumbangan kepada Sekolah Jalinan Kasih, Kuala Lumpur	-	1,000.00
	Sumbangan kepada Sekolah Pulau Beluru, Kelantan	-	200.00
	Bengkel "English in Camp"	-	2,000.00
	Mesyuarat Bengkel Fun With English 2	-	125.00
	Bahan-Bahan Bengkel "Fun With English 2" (bersama PUSPANITA Kebangsaan)	-	668.00
		41,590.10	24,333.60
10	**Biro Kesihatan dan Tabung PUSPADARA**		
	Bengkel CPR	-	717.80
	Program Sihat dan Ceria	-	1,150.00
	Bengkel Berenang	-	-
	Program Gaya Hidup Sihat	250.00	-
		250.00	1,867.80

11	**Biro Kepenggunaan dan Perundangan**		
	Lawatan ke Penjara Kajang	180.00	-
		180.00	-
12	**Biro Sosial**		
	Bengkel Tatih Tari	1,100.00	-
	Malam Gala PUSPANITA Caw KPM Tahun 2015	66,637.15	-
	Majlis Sekalung Budi Semesra Abadi bagi AJK yang bersara	1,979.70	-
	Majlis Sanjungan Budi Tautan Kasih PUSPANITA Caw KPM	6,481.00	-
	Majlis Hari Raya PUSPANITA KPM Tahun 2015	21,860.15	-
	Kursus Peningkatan & Kesejahteraan Kendiri Isteri Pegawai-Pegawai Kanan KPM & AJK Induk PUSPANITA Caw KPM	-	3,565.00
	Majlis "Ladies Nite" PUSPANITA Caw KPM Tahun 2014	-	58,921.90
	Persembahan Ladies Night PUSPANITA Kebangsaan	-	700.00
		98,058.00	63,186.90
13	**Biro Sukan**		
	Senaman Zumba PUSPANITA Caw KPM	437.85	-
	Pertandingan Bowling Tenpin PUSPANITACaw KPM 2015	1,290.00	-
	Kejohanan Bowling PUSPANITA Caw KPM 2014	-	3,013.00
		1,727.85	3,013.00
14	**Biro Kebajikan**		
	Sumbangan Mangsa Banjir Tahun 2014 di Kelantan	2,000.00	-
	Sumbangan kepada 2 Pelajar Perak	500.00	-
	Rumah Insaniah	-	1,000.00
	Majlis Iftar Ramadan	-	750.00
	Tabung Kemanusiaan Palestin	-	28,082.65
		2,500.00	29,832.65
15	**Biro Keusahawanan**		
	Kos Sedia Pembalut botol mineral	-	3,680.00
	Pembelian Air Mineral	2,400.00	3,600.00
	Pembelian Lencana PUSPANITA	-	600.00
	Pakaian Seragam PUSPANITA	9,450.00	3,000.00
	Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM- Bayaran Cagaran dan Sewa Gerai Sektor Pelajaran (SP)	4,160.00	2,560.00
	Taklimat Rombongan ke Ho Chin Minh	-	300.00
		16,010.00	13,740.00
16	**Biro Sains dan Inovasi**		
	Lawatan ke Kolej Vokasinal Chenor, Pahang	800.00	-
		800.00	-
17	**Biro Agama**		
	Lawatan Muhibbah CSR ke Rumah Anak Yatim & Nur Iman, Kuantan	2,000.00	-
	Majlis Bacaan Yasin	-	100.00
	Tadarus Al Quran	-	3,600.00
	Ceramah Ramadan	-	1,500.00
	Tadarus Al Quran Sektor Pengajian Tinggi (SPT)	-	775.00
	Ceramah dan Meraikan Bakal Haji	-	888.00
		2,000.00	6,863.00
18	**Biro Teknologi Maklumat (ICT)**		
		-	-
		-	-
19	**Biro Dokumentasi dan Seranta**		
	Khemah Penulisan Kreatif Remaja Genre Cerpin	2,600.00	-
		2,600.00	-
20	**Biro Keahlian & Ahli Seumur Hidup (ASH)**		
	Yuran Ahli Seumur Hidup (Puspanita Kebangsaan)	-	526.00
	Bengkel eKeahlian	330.00	-
	Pakej Sistem eKeahlian	1,650.00	-
		1,980.00	526.00

21	**Biro Lestari Hijau**		
	Program 3R (Reduce, Reuse dan Recycle)	-	2,435.00
		-	2,435.00
22	**IM4U**		
	Program IM4U di Kg Bok Bak, Baling, Kedah	14,426.80	-
	Program Semaian Kasih IM4U di Pusat Jagaan Al Fikrah	-	5,000.00
		14,426.80	5,000.00
23	**Pelbagai**		
	Mesyuarat Agung 2015	7,461.30	10,144.30
	Mesyuarat AJK Induk	660.00	1,292.50
	Mesyuarat Lain-Lain Biro	3,417.50	477.50
	Mesyuarat AJK Tertinggi PUSPANITA Caw KPM dan KPT	301.30	-
	Mesyuarat Bersama Wakil Bahagian	-	240.00
	Mesyuarat Persediaan Persidangan PUSPANITA ke 2	-	292.50
	Majlis Sessi Bergambar AJK Induk dan Penasihat PUSPANITA Caw KPM	52.00	250.00
	Bayaran Saguhati AJK Hadir Mesyuarat AJK Induk PUSPANITA Caw KPM	50.00	50.00
	Pembelian Buku Resit, Alatulis dan Lain Keperluan PUSPANITA Caw KPM	105.00	1,917.25
	Pemberian separuh baki Subsidi Aktiviti kepada PUSPANITA KPT	4,444.00	-
	Sijil PUSPANITA Caw KPM	1,250.00	-
	Pulangan Balik Bayaran Malam Gala	200.00	-
	Bayaran fi penukaran nama cawangan ke ROS	10.00	-
	Pembelian Buku (persediaan untuk cenderahati)	-	500.00
	Pembelian Hadiah AJK Induk Bersara	-	357.00
	Pembelian Pinggan Mangkok	-	300.00
	Bayaran Mock Cek Tabung Kemanusiaan Palestin	-	100.00
	Bayaran Sewa Penginapan Urusetia Persidangan PUSPANITA Ke 2	-	500.00
	Bayaran Saguhati Urusetia Bilik Pusat Sumber PUSPANITA Caw KPM	-	40.00
	Gotong Royong	-	37.40
	Jambangan Bunga kpd YDP PUSPANITA sempena Kunjung Hormat	-	120.00
	Jambangan Bunga Puan Sri Datin Paduka Hjh Noorainee	-	200.00
	Perbelanjaan Tunai kepada Bendahari	-	1,000.00
	Pulangan Balik Sumbangan MESCA	-	13,391.40
	Pulangan Balik Bayaran Yuran ke BPM, ITBM & PADU	-	1,578.00
	Bank Charge	16.50	35.00
	GST	0.37	-
		17,967.97	32,822.85

24	**Baki Terkumpul Pada 31.12.2015**	
	Baki Peruntukan Prihatin Alam Sekitar	1,460.15
	Baki Puspanita	95,703.84
		97,163.99

NOTA



Penghargaan
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 3, Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya
www.moe.gov.my